

Dasar luar bawah Mahathir paling mencabar

Bh - 30/1/1987

PETALING JAYA, Khamis - Dasar luar kerajaan pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ialah yang paling mencabar dan menimbulkan pelbagai kontroversi, kata Ahli Parlimen Kok Lanas, Datuk Abdullah Ahmad.

"Sejak Datuk Seri Dr Mahathir memimpin kerajaan, dasar luar Malaysia sekali lagi menjadi tumpuan perdebatan dan menimbulkan kontroversi," katanya dalam kertas kerja di Seminar Penganalisan Dasar Luar Malaysia, di sini hari ini.

Menurutnya, beberapa perkara, seperti kebangkitan semula semangat Islam, krisis ekonomi antarabangsa dan jurang yang semakin luas, antara negara maju dan membangun, memberi kesan mendalam kepada pembentukan dasar luar kerajaan, pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir.

Datuk Abdullah berkata, Perdana Menteri berjaya menaikkan nama Malaysia di kalangan negara lain melalui dasar-dasar seperti Pandang ke Timur, membeli barangan British sebagai pilihan terakhir, pendirian terhadap apartheid dan masalah Palestin.

"Berbanding masa lalu, dasar luar kerajaan sekarang lebih mementingkan ekonomi dan keadaan dalam negeri," katanya.

Menurutnya, Malaysia perlu meningkatkan pencapaian ekonomi dan keupayaan ketenteraan bagi mewujudkan dasar luar yang berkesan.

Mengenai hubungan Malaysia dengan negara-negara Arab, Datuk Abdullah berkata ia mesti dibentuk supaya memberi manfaat kepada kedua-dua pihak.

"Jika dasar luar berasaskan semangat ke-Islaman tidak mendapat layanan sewajarnya dari negara lain, kita perlu mengambil pendirian yang lebih tegas," katanya.